

Sukan

SILAT

Persisi alih operasi ke 'HQ' baru di Heartbeat@Bedok

► Punya tiga lagi pusat latihan lain di OCBC Arena, Pusat Kecemerlangan Silat lama dan di Sekolah Sukan Singapura
 ► Sedang bekerjasama dengan OTH untuk guna kemudahan hab di Tampines



NADI PENGGERAK KEGIATAN PERSILATAN: Ibu pejabat baru Persisi ini terletak di Aras Empat ke Heartbeat@Bedok dan menempatkan kakitangan pentadbiran yang menguruskan semua kegiatan setempat dan antarabangsa. – Fot-foto PERSISI

► ISMAIL ALI
 ismail@sph.com.sg

SKUAD pesilat Team Singapore dan penggiat seni pertahanan diri itu kini boleh meningkatkan kemudahan latihan lebih moden, serba lengkap dan pilihan tempat berlatih lebih dekat dengan kediaman mereka mulai tahun ini dengan adanya 'ibu pejabat' silat baru di Bedok.

Ini selepas Persekutuan Silat Singapura (Persisi) mengalihkan sebahagian besar operasi dan latihannya ke premis baru dengan pelbagai kemudahan di Heartbeat@Bedok, di Bedok North Street 1, tidak jauh dari stesen MRT dan Pusat Tukaran Bedok, mulai bulan ini.

Ibu pejabat baru Persisi itu terletak di aras empat kompleks bersepadu tersebut, antara hab gaya hidup terbesar di Singapura bagi membolehkan anggota keluarga dan masyarakat meluangkan masa di bawah satu bumbung.

Kompleks itu dilengkapi kemudahan seperti Kelab Masyarakat Kampong Chai Chee, Pusat Sukan ActiveSG East Bedok, Perpustakaan Bedok, Poliklinik Bedok, pusat jagaan warga senja dan kedai makanan serta minuman.

Selain HQ baru itu, Persisi, yang menggajikan seramai 16 kakitangan, mempunyai dua pejabat dan pusat latihan lain di OCBC Arena yang digunakan khusus untuk latihan pesilat elit Team Singapore dan Pusat Kecemerlangan Silat (SCOE) lama dekat Stadium Bedok.

Ia juga diberi kemudahan latihan di Sekolah Sukan Singapura, khusus bagi pelajar di sekolah tersebut.

Buat masa ini, Persisi sedang bekerjasama dengan Our Tampines Hub (OTH) bagi mempromotkan kegiatan berkaitan persilatan, termasuk menganjurkan pertandingan setempat, serantau dan antarabangsa di situ.

"Kami amat berbangga dan gembira mendapat HQ baru ini yang serba moden dan lengkap dengan pelbagai kemudahan.

"Dengan adanya HQ baru ini dan tiga lagi pusat latihan lain di OCBC Arena, SCOE lama dan Sekolah Sukan, kami dapat menawarkan tempat latihan yang lebih baik dan dekat dengan tempat tinggal pesilat kami," kata Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi Sheikh Alau'ddin Yacoob Marican ketika ditemui Berita Harian baru-baru ini.

"Di samping itu, kami juga sedang mengusahakan kerjasama dengan OTH untuk menggunakan kemudahannya bagi menyokong usaha pembangunan, promosi dan penganjuran kegiatan silat kami, termasuk menganjurkan pertandingan setempat, serantau dan antarabangsa yang memerlukan tempat lebih besar."

Meskipun mendapat tempat baru yang lebih moden, Sheikh Alau'ddin tidak lupa memberi penghargaan kepada SCOE dalam pembangunan silat di Singapura sejak lewat tahun 1990-an.

"Saya sendiri terlibat dan melihat pembang-



KEMUDAHAN DI OCBC ARENA: Di sinilah atlit elit silat Team Singapore membuat persiapan bagi menghadapi pertandingan serantau dan antarabangsa sejak 2016, termasuk Sukan SEA.

Persisi sas tarik penyerkaum lain

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) menetapkan matlamat lebih mendekati masyarakat berbilang bangsa di Singapura dalam usaha mempromosi dan menarik pelibatan masyarakat bukan Melayu dalam kegiatan persilatan.

Ini termasuk penyertaan dalam pasukan silat Team Singapore, pengendali pertandingan dan pentadbir dalam urusan semua kegiatan persilatan setempat. Selain itu, Persisi akan meng-

jabat baru Heartbeat@Bedok. "Dengan kemudahan silat, kami akan menyokong masyarakat Melayu untuk terlibat dalam kegiatan persilatan. Ini akan memberi peluang kepada masyarakat Melayu untuk terlibat dalam kegiatan persilatan. Selain itu, Persisi akan meng-